



# BULETIN PMKU

## POLITEKNIK METR0 KUANTAN



MENARIK

- 13 Majlis Konvokesyen PMKu kali ke-6 julung kali berlangsung 2 sidang

- 11 Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Penasihat Industri PMKu 8 penasihat telah dilantik

- 6 Misi Sukarelawan Pasca Banjir Sukarelawan YES PMKu

- 17 Program Sihat Cergas Pulau Ular Program anjuran Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu

- 12 Experiential Learning Majlis Sambutan Adilifitri Tourism Malaysia

- 7 Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan MPP PMKu

## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Rosli bin Zainuddin, AMP

### Pengarah PMKu

### Penasihat 1

Ts. Zairul Azrul bin Zakaria

### Ketua Jabatan

### Sokongan Akademik PMKu

### Penasihat 2

Norsidah binti Othman

### Ketua Unit Instruktional dan

### Pembelajaran Digital

### Editor

Effa Izzati binti Mahmun

### Laporan & Gambar

Wan Mohd Fahmi bin Wan Othman

Noor Syaida binti Abdul Rahman

Haslina binti Ahmad Muzakir

Muhamad Asyraf bin Rosli

Nor Akashah binti Kassim

Effa Izzati binti Mahmun

Farizah binti Mohamad

Nurhidayah binti Hilimi

Surayahanim binti Ali

Juliawati binti Yunus

Hafizah binti Ismail

Madya bin Murat



Hak Cipta Terpelihara © 2022 – Buletin PMKu. Sebarang cadangan, rencana, berita atau ulasan boleh diajukan kepada:

Unit Penerbitan Buletin PMKu  
Politeknik METR0 Kuantan,  
No. A-5, Jalan Tun Ismail 2,  
Sri Dagangan II  
25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur.  
Tel: +6095659000 Faks: +6095173259

## BICARA PENA PENGARAH



السلام عليكم

Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Buletin PMKu Edisi 1/2022 dapat disediakan. Besar harapan saya agar Buletin ini dapat diteruskan mengikut tempoh cetakan agar dijadikan panduan dan rujukan dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti di PMKu.

Pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan dan disertai oleh warga PMKu, baik pelajar mahupun para pensyarah dan pegawai-pegawai pentadbiran. Kompilasi aktiviti yang telah dijalankan ini perlu dibukukan bagi melihat perkembangan untuk penambahbaikan serta melihat impak yang diberikan.

Alhamdulillah, sejak serangan virus COVID-19, kini peralihan fasa pandemik ke endemik telah mula melihatkan perubahan positif apabila trend aktiviti sudah mula kembali berubah ke asalnya iaitu secara bersemuta. Namun, langkah-langkah penjagaan dan prosedur operasi standard masih dipatuhi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

PMKu amat cakna dan peka dengan kepentingan pelaksanaan aktiviti bagi mencapai keperluan silibus pembelajaran untuk memenuhi hala tuju strategik dengan bermatlamatkan 6 nilai teras strategik berdasarkan Pelan Strategik PMKu. Semoga penganjuran aktiviti oleh warga PMKu sentiasa menitik beratkan keperluan dalam melahirkan graduan TVET berkualiti, memantapkan governan yang responsif dan mampan, memperkaya bakat, menerajui sistem pendidikan melalui TVET, memperkuuh kolaborasi industri, komuniti dan alumni serta memperkasa penyelidikan dan inovasi.

Saya berharap agar para pembaca mendapat input yang bermanfaat menerusi penerbitan Buletin kali ini. Semoga bertemu lagi pada Buletin PMKu edisi akan datang untuk berita yang lebih menarik dan padat dengan informasi.

Salam Hormat dan Selamat Membaca.

**Encik Rosli bin Zainuddin, AMP**

**Pengarah Politeknik METR0 Kuantan (PMKu)**

06  
Jan

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN CATUR DAN BADMINTON

PMKu



Satu majlis penyampaian hadiah kepada pemenang bagi pertandingan catur yang telah dianjurkan oleh Kelab Catur PMKu dan Pertandingan Badminton anjuran MPP PMKu telah diadakan di aras 6, PMKu. Tahniah diucapkan kepada juara. Tahniah juga kepada para peserta dan pengaruh yang berjaya memeriahkan aktiviti di PMKu.

07  
Jan

## KURSUS KESEDARAN HALAL

Penyedia Latihan Halal yang diterajui oleh pensyarah DHF, Puan Sadariah binti Mohd Ariff, Encik Ahmad Rasa'arim bin Razzali, Puan Haslina binti Ahmad Muzakir, Puan Noor Farizan binti Basroh, Puan Nurhidayah binti Rafie, Puan Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff, dan Puan Rosilah binti Man telah menganjurkan Kursus Kesedaran Halal bersama pelajar DHF3A secara atas talian. Terima kasih kepada penceramah, Ustaz Muhammad Taufiq Ghufran bin Bakri di atas kesudian berkongsi ilmu.

**KURSUS KESEDARAN HALAL**  
PERUNTUKAN AKTA BAGI PENGUNAAN LOGO/UNGKAPAN HALAL DI MALAYSIA

Penceramah: Ustaz Muhammad Taufiq Ghufran bin Bakri  
Anjuran: Persempena Bulan Halal  
Tarikh: 07 Januari 2022  
Platform: Facebook Live  
<https://www.facebook.com/politeknikmalaysia>  
Masa: 8.00 p.m - 9.00 p.m  
Terbuka kepada orang ramai, pengeksport dan pelabur terhadap perniagaan dan pengeluaran halal.  
Klik dibawah untuk pernyataan stat mengikut syarat dan ketentuan:  
• Klik QR CODE yang termuat  
• E-still akan diberikan kepada peserta yang hadir.  
Silahkan pernotis atau hadungi ini refleksi mewujud (Notew).

**LIVE** **PERAKUAN DAN PENANDAAN**  
53 mas makanan atau barang-barang hidak boleh dipernihau atau dikenakan atau digunakan dengan cara lain untuk memenuhi keperluan hidak atau buat sambutan ke belakang dimakan atau diguna oleh orang Islam melainkan:  
• Diperlukan sebagai hidak oleh pihak berkursus berwajah dan:  
• Difordkan dengan logo Halal Malaysia.  
PERTUBUHAN PERBADANAN: denda tidak melebihi RM200,000 (bagi keselahan kedua dan berikutnya: denda hidak meluluskan SUATU JENAZAH BULAN) jika perbadanan dilindungi tidak melebihi RM100,000 (bagi penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya). (Bagi keselahan yang kedua dan berikutnya: denda tidak melebihi RM250,000 (bagi penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya)).  
HALAL.UOBMYRHTHURAYA/2020

54 Comments • Seen by 1,142

08  
09  
Jan

## TGT TRIP PHASE II

Sungai Lembing

Para pelajar DUP yang mengikuti kelas *DTM30114 Tourist Guiding Technique* bagi sesi I 2021/2022 telah menyelesaikan penilaian projek mengikut keperluan silibus yang telah ditetapkan. Program yang ditunda daripada perancangan aktiviti akibat banjir besar yang melanda Sungai Lembing pada 18 Disember 2021 yang lalu telah berjaya dijalankan mengikut perancangan pada 8 dan 9 Januari 2022. 61 pelajar yang terdiri daripada pelajar kelas DUP3, DUP5A dan DUP5B telah berjaya menguruskan lawatan di sekitar Sungai Lembing dengan mengunjungi dan membuat komenari sebagai pemandu pelancong di Gua Charas, Muzium Sungai Lembing, Restoran Anjung Selera dan di Hotel Lake Castle. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di Hotel Lake Castle, antaranya, melawat Muzium Lake Castle, mendaki bukit Sungai Lembing dan menikmati pemandangan matahari terbit, melihat aktiviti sabung ayam, mengunjungi air terjun berdekatan Lake Castle dan pelbagai aktiviti sampingan yang dikelolakan oleh para pelajar sendiri. Tahniah kepada para pelajar DUP dan pensyarah mengajar selaku pegiring, Puan Anis Shabirah binti Md Isa, Cik Surayhanim binti Ali dan Puan Effa Izzati binti Mahumun.



13  
Jan

## PERTANDINGAN BOLING TERTUTUP PMKu

Megalanes, Megamall Kuantan

Seramai 36 peserta yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan PMKu telah menyertai pertandingan Boling Tertutup PMKu yang diadakan di Megalanes, Megamall. Majlis penyampaian piala pemenang pula dilangsungkan di aras 6, PMKu dan telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah PMKu, Encik Ahmad Tajudin bin Mustafa. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan terima kasih kepada para peserta.



15  
Jan**KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN SIRI 1/2022**

PMKu



Kursus Latihan Pengendali Makanan membuka tirai 2022 dengan melibatkan 34 orang peserta. Tenaga pengajar, Puan Nurrul Hasanah binti Md Teni merupakan pensyarah PMKu yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Majoriti peserta adalah dalam kalangan pelajar DHF PMKu yang akan menjalani latihan industri pada semester hadapan. Kursus ini merupakan tambah nilai sebagai kursus profesional kepada para pelajar DHF PMKu. Semoga dengan penyertaan ini, pelajar PMKu lebih berdaya saing, kompeten dan mempunyai kebolehpasaran tinggi.

21  
Jan**GOTONG ROYONG PERALATAN DAPUR LATIHAN PMKu**

PMKu



Para pensyarah DHF bekerjasama mengemas dan menyusun peralatan di dapur latihan PMKu. Terima kasih kepada semua pensyarah yang komited dalam memastikan kebersihan dan keselamatan di dapur latihan PMKu.

08  
Feb**PERTANDINGAN BOLING STAF PMKu SIRI 1/2022**

Playground 6 Semambu

Pertandingan Boling Staf menjadi pembuka tirai aktiviti sukan PMKu dengan penglibatan 22 orang kakitangan PMKu. Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Akademik PMKu, Encik Muhamad Surairi bin Sharipuzan. Tahniah kepada semua pemenang dan semoga pengajuran aktiviti sebegini dapat memberi peluang kepada kakitangan PMKu untuk mengeratkan silaturrahim di samping menggalakkan pembudayaan aktiviti sukan.

09  
Feb**SUKAN KAKITANGAN: BADMINTON**

Playground 6 Semambu



Ke arah warga PMKu cergas dan sihat. Ketika pelajar sedang cuti semester, staf PMKu mengambil peluang untuk beriadah dengan bermain badminton bersama-sama. Selain beriadah, staf yang terlibat boleh mendapatkan badan yang cergas dan sihat serta meluangkan masa antara satu sama lain.

18  
Feb**KURSUS PEMBUATAN KEK CAWAN**

PMKu

Kursus Pembuatan Kek Cawan di dapur latihan PMKu anjuran unit DHF dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) merupakan Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP) yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi pensyarah PMKu.



19  
Feb**LAWATAN KERJA UNIT KEUSAHAWANAN KE KOLEJ KOMUNITI JERANTUT**

📍 Kolej Komuniti Jerantut

Delegasi PMKu yang diketuai oleh Encik Fitri Sani bin Mohd Abdul Hakim selaku Ketua Unit Keusahawanan PMKu telah mengadakan sesi lawatan ke Kolej Komuniti Jerantut bagi melihat projek penternakan udang kara air tawar yang dijalankan di sana. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan serta melihat potensi projek ini untuk di bawa ke PMKu sebagai salah satu projek baharu di bawah Unit Keusahawanan.

23  
Feb**LAWATAN KHIDMAT NASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

📍 PMKu

PMKu berbesar hati menerima Lawatan Khidmat Nasihat daripada pihak Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Kehadiran 3 pegawai mewakili pihak PNM telah diketuai Puan Wan Nor Azma binti Wan Asik, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan. Lawatan ini bertujuan memberi khidmat nasihat serta pandangan berkaitan pengurusan perpustakaan di PMKu agar gerak kerja yang dilaksanakan mengikut amalan yang betul dan menambahbaik mutu perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar.

25  
Feb**PERTANDINGAN PINGPONG STAF PMKu SIRI 1/2022**

📍 PMKu

Pertandingan Pingpong Staf PMKu telah berlangsung di Aras 6 (Rooftop) PMKu. Tahniah kepada semua pemenang kategori individu lelaki dan wanita. Hadiah disampaikan oleh Pengarah, Encik Rosli Bin Zainuddin dan Timbalan Pengarah, Encik Ahmad Tajudin Bin Mustaffa.

25  
Feb**LAWATAN HARI KRAF KEBANGSAAN 2022**

📍 Pusat Kraf Kuala Lumpur

Satu lawatan sempena Hari Kraf Kebangsaan 2022 yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (agensi di bawah MOTAC) telah dilaksanakan oleh pensyarah DUP. Penganjuran kali ke-19 ini memberi pengiktirafan terhadap penglibatan dan sumbangan usahawan serta penggiat kraf kepada pembangunan industri kraf negara. Antara aktiviti yang diadakan adalah pameran produk kraf seperti kraf tekstil, hasil rimba, hasil logam dan hasil tanah. Selain itu, terdapat juga jualan kraf, pameran Institut Kraf Negara (IKN), Padanan Perniagaan, Demonstrasi Kraf dan Masakan Tradisional, Seminar Kraf, Interaktif Kraf, Persembahan Kesenian dan jualan makanan serta minuman. Menerusi program ini, pensyarah dapat menambah pengetahuan dan *product updated* tentang industri kraftangan yang terkini serta menjalankan hubungan rangkaian bagi lawatan industri khasnya bagi kursus *Tourism Malaysia*.

28  
Feb**HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU**

📍 PMKu



Pengarah serta seluruh warga PMKu mengucapkan selamat datang kepada pelajar baharu PMKu yang hadir ke sesi pendaftaran. Selamat datang ke keluarga PMKu.

01  
04  
Mac

## MINGGU TRANSFORMASI SISWA/I (MTS) SESI II 2021/2022

PMKu

Para pelajar baharu menyertai program Minggu Transformasi Siswa yang berlangsung selama 4 hari bagi mendapatkan maklumat dan pendedahan tentang suasana dan realiti kehidupan di institusi pengajian tinggi. Pelbagai sesi taklimat dan aktiviti yang dijalankan untuk memberi pemahaman kepada pelajar baharu tentang PMKu. Terima kasih kepada MPP PMKu yang telah membantu dalam pengajaran program MTS ini.



04  
Mac

## MAJLIS PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA/I PMKu

PMKu

Minggu Transformasi Siswa/i telah disempurnakan dengan Majlis Penutupan oleh tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin. Majlis ini menghimpunkan semua pelajar baharu iaitu pelajar semester 1 dan para pensyarah PMKu.



17  
Mac

## MISI SUKARELAWAN PASCA BANJIR SUKARELAWAN YES PMKu

Hulu Terengganu

Atas dasar keprihatinan warga PMKu, misi bantuan telah digerakkan bagi membantu penduduk Hulu Terengganu yang ditimpa banjir lumpur. Dengan kolaborasi bersama Politeknik Hulu Terengganu (PHT) dan Politeknik Shah Alam (PSA), bantuan diagihkan terus ke rumah penduduk di sekitar Kampung Kuala Menjing. Kumpulan sukarelawan PMKu diketuai oleh Tuan Ustaz Hasni bin Hassan selaku Ketua Unit Pembangunan Pelajar PMKu yang hadir bersama beberapa pegawai lain serta MPP PMKu. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli Bin Zainuddin yang turut hadir semasa misi berjalan. Terima kasih juga diucapkan kepada hampir semua Pengarah Politeknik seluruh Malaysia yang kebetulan berada di Kuala Terengganu dan turut sama hadir ke lokasi bagi memberikan sokongan kepada program ini.



22  
Mac

## LAWATAN TAPAK DAN PERBINCANGAN PENGGUNAAN FASILITI RESTORAN LATIHAN BAGI PELAKSANAAN AMALI KURSUS FOOD AND BEVERAGE, POLITEKNIK HULU TERENGGANU

PMKu

PMKu telah menerima kunjungan dari Politeknik Hulu Terengganu (PHT) yang diketuai oleh Cik Nurhidayah binti Hassan selaku Ketua Program Diploma Pengurusan Resort (DHR) bagi membincangkan penggunaan kemudahan PMKu bagi kelas amali kursus Food and Beverage para pelajar PHT.



22  
Mac

## KEMPEN JOM MEMBACA

PMKu

Unit Perpustakaan PMKu telah melancarkan Kempen Jom Membaca di perpustakaan aras 4 PMKu. Menerusi slogan "Membaca Jambatan Ilmu", Unit Perpustakaan PMKu mengharapkan agar dapat menjadi jambatan ilmu dan sumber rujukan para pelajar dalam mencari maklumat dan informasi berkaitan kursus-kursus yang dipelajari. Perpustakaan PMKu bukan sahaja menyediakan buku rujukan berkaitan kursus-kursus yang ditawarkan, malah buku pelbagai bidang yang lain.



23  
Mac

## KURSUS SEMBELIHAN HALAL SECARA DALAM TALIAN

Google Meet

Kursus Sembelihan Halal secara dalam talian telah berlangsung dan disampaikan oleh Tuan Ustaz Muhammad Haizad dari Jabatan Agama Islam Pahang. Terima kasih di atas perkongsian ilmu daripada Tuan Ustaz kepada para pelajar DHF.



24  
Mac

## PILIHANRAYA KAMPUS 2022

PMKu

Pilihanraya Kampus 2022 bagi memilih MPP PMKu bagi penggal baharu telah dilaksanakan dengan jayanya. Peratusan mengundi dalam kalangan pelajar PMKu juga mencapai 99.69% dengan melibatkan pelajar kedua-dua program yang ditawarkan di PMKu. Tahniah kepada para pelajar yang telah menuaikkan tanggungjawab dalam memilih pemimpin dalam kalangan pelajar.



28  
Mac

## PROGRAM SUNTIKAN TYPHOID

PMKu

Para pelajar DHF semester 1 dan 2 telah menerima suntikan typhoid daripada Klinik Awfa di Aras 6 (rooftop) PMKu. Suntikan ini merupakan suntikan wajib diambil oleh semua pengendali makanan di Malaysia di bawah Akta Makanan 1983 dan Akta Kawalan Penyakit 1988.



28  
Mac

## MESYUARAT AGUNG KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PMKu (K3P)

Google Meet

Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu telah diadakan secara dalam talian. Pelantikan jawatankuasa baharu merupakan salah satu agenda utama mesyuarat tersebut. Tahniah kepada jawatankuasa yang baru dilantik. Semoga dapat memacu K3P lebih aktif dalam menjaga kebajikan ahli-ahlinya. Terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa lama yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat bakti sebelum ini.



30  
Mac

## MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN JAWATANKUASA MPP PMKu

PMKu

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa MPP PMKu telah berlangsung dan disempurnakan oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin. Tahniah kepada 16 orang MPP PMKu yang telah terpilih dan dilantik bagi memimpin pelajar untuk sesi ini. Tahniah kepada Saudari Ain Shahira binti Razali yang telah dilantik sebagai Yang DiPertua MPP PMKu sesi 2022/2023. Semoga dapat memiku amanah dengan baik dan sentiasa menjadi penghubung antara mahasiswa/i dengan pihak pengurusan PMKu.



31  
Mac

## KURSUS KESEDARAN PENGURUSAN LEAN PMKu




Kursus ini telah berlangsung secara dalam talian melibatkan semua ahli jawatankuasa Pengurusan Lean PMKu. Taklimat telah disampaikan oleh Ts. Mohd Asnawi bin Abd Wahab dari Unit Tadbir Urus, Bahagian Governan dan Kecemerlangan JPPKK.



06  
Apr

## PROGRAM IHYA' RAMADHAN PMKu: BUBUR KACANG DURIAN



Sempena program Ihya' Ramadhan PMKu, Unit HEP dengan kerjasama Unit DHF telah mengadakan aktiviti edaran bubur kacang durian yang disediakan sendiri oleh para pensyarah dan pelajar DHF. Agihan ini telah dilaksanakan di perkarangan bangunan PMKu dan diedarkan kepada semua yang ada di sekitar PMKu.



08  
Apr

## SEMINAR TRAVEL AND TOUR OPERATION



Pelajar DUP3 yang sedang mengikuti kursus DTM30233 Travel and Tour Operation telah menjemput Pengarah Urusan ZA Nusantara Travel & Tours, Encik Zainal Abidin bin Mehat untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam membangunkan, dan menjalankan agensi pengembalaan beliau. Seminar ini amat membantu para pelajar DTM20213 Travel and Tour Management dan para pelajar DTM30233 Travel and Tour Operation untuk memahami pengurusan dan operasi agensi pengembalaan dan perniagaan yang berteraskan pelancongan dari sudut industri sebenar.



14  
Apr

## TADARUS AL-QURAN



Tadarus Al-Quran telah berlangsung dengan penglibatan kumpulan pelajar bersama Encik Fitri Sani yang mendengar dan membetulkan bacaan para pelajar tersebut.




15  
Apr

## PROGRAM MUBARAK FM



Program Mubarak FM merupakan program yang dijalankan secara dalam talian. 45 suara bacaan surah Al Kahfi oleh para peserta bergema di PMKu menerusi platform Google Meet dengan pimpinan bacaan oleh pensyarah, Encik Fitri Sani. Program seumpama ini perlu diteruskan sebagai motivasi kerohanian kepada warga PMKu yang sering terbawa arus kesibukan dunia.




26  
Apr

## FOODSERVICE IN HEALTHCARE INDUSTRY




Program ini merupakan salah satu Program Penceramah Pelawat Industri (PPI) yang dikendalikan oleh Unit DHF. Dijalankan secara dalam talian menerusi platform Google Meet, program ini menjemput Penolong Pegawai Penyediaan Makanan daripada Hospital Papar, Sabah, Cik Irdha Suraya binti Othman untuk meluangkan masa dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau dalam perkhidmatan makanan dari sudut industri penjagaan kesihatan. Terima kasih kepada penceramah jemputan dan tahniah kepada pensyarah DHF yang menganjurkan program ilmu ini.



26  
Apr

## SESI PENYAMPAIAN SUMBANGAN AIDILFITRI



Satu sesi penyerahan sumbangan Aidilfitri kepada pekerja kontrak kebersihan dan keselamatan PMKu telah berlangsung dan disempurnakan oleh Pengarah PMKu Encik Rosli bin Zainuddin.



26  
Apr

## CERAMAH ISU HALAL TERKINI DAN CABARANNYA



Satu ceramah tentang isu halal terkini dan cabarannya telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Encik Norakmal bin Mohamad daripada Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Selangor. Walaupun dijalankan secara dalam talian, namun sesi perkongsian yang berlangsung adalah sangat bermanfaat dan memberi pencerahan tentang isu halal terkini dengan sangat jelas dan berkesan.



28  
Apr

## MAJLIS PERPISAHAN PEGAWAI EKSEKUTIF PMKu (EO)




Majlis perpisahan pegawai eksekutif PMKu, Encik Shahruh Sazli Shah telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama PMKu. Encik Shahruh berpindah ke negeri kelahirannya, Melaka. Terima kasih atas khidmat bakti yang ditaburkan di PMKu. Semoga terus cemerlang.



28  
Apr

## EARTH DAY ENVIRONMENT LITERACY QUIZ



Sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang dan wakil pemenang program *Earth Day Environment Literacy Quiz*. Tahniah kepada para pemenang. Tempat pertama, Saudara Mohd Nazreen Syah bin Malik Faisal; tempat kedua, Saudara Hartith bin Mohd Hassan, dan tempat ketiga, Saudari Nor Amirah Nuha binti Mohd Zawawi.



11  
Mei

## LAWATAN PENANDA ARAS UNIT JAMINAN KUALITI KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS

 PMKu

PMKu mengalu-alukan kehadiran delegasi Kolej Komuniti Kok Lanas yang diketuai oleh Tuan Pengarah KK Kok Lanas, Encik Nik Ahmad Rizal bin Wan Ismail serta Pegawai Kualiti Encik Ahmad bin Sulaiman untuk Lawatan Penanda Aras Unit Jaminan Kualiti bagi pengurusan kualiti ISO21001:2018.

12  
14  
Mei

## MALACCA HERITAGE TOUR

 Melaka


Bukan sekadar pembelajaran dalam bilik kuliah, pelajar DUP turut dilatih mengendalikan operasi pengurusan agensi pengembalaan bermula persiapan sebelum, semasa dan selepas program atau aktiviti pelancongan. Pelajar DUP3 telah menjalankan program lawatan akademik 3 hari 2 malam bagi memenuhi keperluan pembelajaran kursus DTM30233 *Travel and Tour Operation*. Program ini merupakan kendalian sepenuhnya oleh para pelajar untuk dinilai oleh pensyarah kursus, Puan Nurhidayah binti Hilimi.

13  
Mei

## GRADUATE EMPLOYABILITY PROGRAMME

 Google Meet

McDonald's Malaysia telah meluangkan masa untuk memberi taklimat kepada wakil pengurusan pelajar dan Unit DHF PMKu tentang program *Graduate Employability Programme* yang digelar *Management Apprentice Program* anjuran mereka. Taklimat serta perbincangan tentang hala tuju pelajar dan kebolehpasaran graduan PMKu telah dijalankan secara atas talian. Terima kasih McDonald's Malaysia kerana memilih PMKu sebagai salah sebuah institusi berpotensi untuk menyertai program tersebut.

16  
19  
Mei

## EKSPEDISI JELAJAH PULAU PINANG

 Pulau Pinang


Ekspedisi Jelajah Pulau Pinang dengan menekankan konsep *Explore, Dream Discover Penang* telah berlangsung dengan jayanya dan matlamat untuk mengaplikasi penggunaan teknologi dalam industri pelancongan turut tercapai sepanjang ekspedisi 4 hari 3 malam ini. Program ini menggabungkan sasaran hasil pembelajaran bagi 2 kursus yang di ambil oleh para pelajar DUP semester 4 iaitu kursus DTM40253 *e-Tourism* dan DTM40144 *Tourism Expedition*. Dalam satu slot *teambuilding*, pelajar turut menyertai *Escape Challenge* dan menyaangi beberapa peserta luar yang lain. Aktiviti ini telah membentuk semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan mereka. Semoga pembelajaran secara langsung di industri memberi manfaat kepada para pelajar.

19  
Mei

## PROGRAM KESEDARAN HALAL

 SMK Dato Mahmud Mat, Pekan

Pelajar DHF3A meluangkan masa bersama para pelajar SMK Dato Mahmud Mat, Pekan dalam satu program yang memberi pendedahan tentang halal. Matlamat program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang kepentingan mengambil tahu tentang bahan-bahan yang halal dan tidak halal. Penekanan terhadap pengambilan produk halal turut disebar luar oleh para pelajar menerusi slot taklimat dan aktiviti.



19  
Mei

## LATIHAN AMALI PEMASANGAN KHEMAH

PMKu

Latihan amali pemasangan khemah bagi persediaan Ujian Amali Rekreasi yang akan diadakan pada penghujung semester telah dijalankan di aras 6 (rooftop) PMKu. Bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dalam bidang pelancongan, kursus *Recreational Tourism Terrestrial* diharapkan mampu menjadikan pelajar TVET yang cemerlang dalam bidangnya.



22  
Mei

## SESI LIBAT URUS PENGARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI PAHANG

Kolej Komuniti Kuantan



Sesi Libat Urus Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Pahang bersama Timbalan Ketua Pengarah (Governan) JPPKK. Warga PMKu turut mengambil peluang untuk mengucapkan selamat bersara kepada Ts. Haji Mohd Amin bin Hamat. Semoga dikurniakan kebahagiaan dan kesejahteraan bersama keluarga dan dilindungi Allah SWT.



25  
Mei

## AKTIVITI JUALAN DAN PEMASARAN

PMKu

Para pelajar yang mengikuti Kursus DTM50153 *Tourism and Hospitality Marketing* telah melaksanakan aktiviti jualan bagi mempraktikkan pengajaran dan pembelajaran teori yang mereka pelajari di kelas. Aktiviti promosi telah berlangsung sebelum hari jualan di buat dan gerai jualan di buka di *Student Walk* PMKu. Tahniah di atas usaha pelajar dan pensyarah kursus dalam memupuk pelajar bercirikan usahawan.



27  
Mei

## MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PENASIHAT INDUSTRI PMKU 2022 - 2024

PMKu



Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan kepada para Penasihat Industri PMKu bagi tempoh 2022 – 2024 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama PMKu. Program anjuran Unit CISEC PMKu ini telah berlangsung dengan jayanya dan telah melibatkan 8 orang penasihat industri. Terima kasih dan tahniah atas pelantikan. Semoga jalinan kerjasama ini memberi manfaat dan dapat melahirkan graduan yang bermutu tinggi seiring kehendak industri.



### Penasihat Industri PMKu 2022 – 2024

- Tuan Kamarudin bin Ibrahim, Pengurus Besar Tourism Pahang
- Encik Az'zaharul bin Wahab, Pengurus Besar Azam Roasters Properties Sdn Bhd
- Puan Noor Jehan binti Abu Bakar, Pengurus Persatuan Pecinta Alam Pahang
- Encik Mohd Robae Lubis bin Mohamad Yusof, Pengarah Operasi Hotel Grand DarulMakmur
- Puan Zuaraini binti Abdul Ghani, Pengarah Tourism Malaysia Wilayah Timur
- Encik Wan Kamarul Azri bin Wan Rastam Sharaman, Pengurus Rasa Sayang Café
- Cik Nurul Syuhiba binti Yusof, Pengurus, Damai Tioman Resort (Alumni PMKu)
- Cik Nor Farah Hidayah binti Mohd Fadzilah, Pengusaha FH Café (Alumni PMKu)

27  
Mei**RIUH RAYA PMKu 2022**

PMKu

Para pelajar DUP semester 4 yang sedang mengikuti kursus *DTM40134 Event Operation and Management* telah berjaya sebagai urusetia bagi program Sambutan Aidilfitri peringkat PMKu. Program anjuran Unit HEP PMKu ini telah diuruskan sepenuhnya oleh para pelajar DUP4 yang merencanakan pelbagai aktiviti dan pertandingan antaranya, teka lagu raya, swafoto, booth raya tercantik, peragaan pakaian raya serta pelbagai persembahan menarik dalam kalangan pelajar PMKu yang berbakat. Terima kasih kepada Puan Juliawati binti Yunus kerana meluangkan masa dalam melatih pelajar sebagai persediaan persembahan untuk memeriahkan majlis ini. Penghargaan dan terima kasih kepada para penasihat akademik yang telah membantu pelajar seliaan mereka bagi menyediakan juadah Aidilfitri yang enak. Program ini merupakan projek pelajar bagi kursus DTM40134 di bawah selian pensyarah kursus, Puan Effa Izzati binti Mahmum dan Puan Anis Shabirah binti Md Isa.

30  
Mei**MARINE RECREATIONAL TOURISM**

Cherating Lagoona Resort

Latihan serta ujian amali bagi Kursus DTO30064 *Marine Recreational Tourism* yang melibatkan para pelajar DUP semester 3 telah dijalankan di Cherating Lagoona Resort. Tahniah kepada pensyarah Kursus, Encik Muhammad Asyraf bin Rosli dan Cik Zarina binti Mokhtaruddin di atas tunjuk ajar dan bimbingan kepada pelajar dalam topik-topik utama seperti *water rescue, snorkeling, kayak and recreational fishing*

31  
Mei**EXPERIENTIAL LEARNING: MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI TOURISM MALAYSIA**

Tourism Malaysia

Para pelajar DHF PMKu semester 3 telah menerima undangan untuk membantu pihak Tourism Malaysia Pahang dalam Majlis Sambutan Aidilfitri sebagai penyaji makanan kepada para tetamu jemputan program tersebut.

01  
Jun**KURSUS ASAS PINGPONG**

PMKu

Kursus Asas Pingpong anjuran Kelab Pingpong PMKu di bawah pimpinan Ketua Kursus Kokurikulum selaku pensyarah kursus, Encik Fatkhurrahman telah berlangsung di aras 6 (*rooftop*) PMKu.

01  
Jun**BENGKEL MEMBUAT SUSHI**

PMKu

Kelab Tai Chi Gong PMKu telah mengadakan Bengkel membuat sushi. Bengkel ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang proses membuat sushi bermula daripada persediaan sehingga selesai penghasilan. Terima kasih kepada pensyarah kursus Cik Lee Pui Har di atas penganjuran aktiviti yang dibuat oleh pelajar Kelab di bawah seliaan beliau



01  
Jun

## FOCUS GROUP DIALOGUE






Program *Focus Group Dialogue* bertajuk Halal Cold Chain: Preliminary Insight merupakan program anjuran POLISAS. Pelajar DHF Semester 5 turut menyertai program yang berlangsung di POLISAS ini.

04  
Jun

## MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK METR0 KUANTAN KALI KE-6




Majlis Konvokesyen Politeknik METR0 Kuantan Kali Ke-6 telah berlangsung dengan meriah di Swiss-Belhotel Kuantan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin. Buat julung kalinya, Majlis Konvokesyen PMKu diadakan secara 2 sidang yang mengumpulkan hampir 369 graduan. Perarakan masuk graduan DUP dan DHF telah diiringi mengikut adat dengan simbolik Keris Pahang.



Tahniah diucapkan kepada graduan DUP, saudari Nurul Izzati Farhana binti Johan dan Saudara Arif Ikhwan bin Roslan yang telah menerima Anugerah Pengarah. Penerima anugerah ini merupakan pelajar yang telah mencapai tahap prestasi akademik dan kokurikulum yang cemerlang sepanjang tempoh pengajian di PMKu. Tahniah juga diucapkan kepada graduan DHF, saudari Nurul Ain Najihah binti Salleh dan graduan DUP saudara Ahmad Arif Firdaus bin Mohd Rus yang telah menerima Anugerah Khas kerana mempunyai keterampilan diri unggul dan telah dibuktikan berjaya mengharumkan nama Politeknik di peringkat tertinggi. Majlis berlangsung dengan lancar berkat kerjasama dan komitmen semua yang terlibat. Tahniah!

08  
Jun

## LAWATAN AKADEMIK – PRAKTIS HALAL DALAM INDUSTRI MAKANAN



Lawatan akademik ini dianjurkan bagi memenuhi keperluan sibusik DTF30143 *Best Practice for Halal Food Production*. Antara pengisian lawatan ini adalah taklimat dan sesi soal jawab oleh Chef Mahadi bin Muhammad (Executive Sous Chef) dan Tuan Syed Arif Safwan bin Syed Ibrahim (Penyelaras Sumber Manusia), Royale Chulan Cherating



08  
Jun

## KURSUS ASAS FUTSAL



📍 Legend Futsal, Indera Mahkota Kuantan

Terima kasih diucapkan kepada Coach Wan Suratman kerana sudi memberi tunjuk ajar dan memperkemaskan kemahiran para pelajar Kelab Futsal PMKu di Kursus Asas Futsal yang diadakan di Legend Futsal, Indera Mahkota Kuantan.

08  
Jun

## KURSUS ASAS BADMINTON



📍 Megasmash Badminton Court, Megamall Kuantan

Kursus Asas Badminton anjuran Kelab Badminton PMKu bertempat di Megasmash Badminton Court, Megamall Kuantan. Tenaga Pengajar dan Penceramah yang dijemput merupakan Jurulatih Badminton MSSM Pahang, Encik Azizul bin Aziz.



08  
Jun

## PERTANDINGAN BOLING TERTUTUP PMKu SIRI 2/2022

Unit Sukan PMKu telah menganjurkan Pertandingan Boling Tertutup PMKu bagi siri yang kedua tahun 2022. Program ini telah disertai oleh kakitangan dan para pelajar PMKu. Tahniah kepada para pemenang!



📍 Megalanes, Megamall Kuantan

08  
Jun

## PROGRAM FOOD SAFETY FOR YOUNG GENERATION (FOOYOO)



Pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat merupakan antara pencetus program FooYoo ini. Program anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia ini mensasarkan generasi muda dan para pelajar DHF merupakan peserta yang paling tepat bagi menyebar luas kesedaran terhadap keselamatan makanan bagi pembudayaan hidup sihat.



10  
Jun

## MAJLIS PENUTUP PROGRAM FOOD SAFETY FOR YOUNG GENERATION

📍 PMKu

Pengarah PMKu telah berbesar hati untuk merasmikan Majlis Penutup Program Food Safety for Young Generation (FooYoo) yang berlangsung di BK5 dan BK6 Aras 5 PMKu. Program FooYoo ini merupakan program Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dengan kerjasama pensyarah DHF dan ceramah serta taklimat berkaitan keselamatan makanan telah disampaikan kepada para pelajar DHF semester 2.



10  
Jun**MATTA FAIR PAHANG**

📍 Megamall Kuantan

49 pelajar DUP yang terdiri daripada pelajar DUP1, DUP3 dan DUP4 telah memeriahkan MATTA Fair Pahang yang telah diadakan di Megamall Kuantan. Pendedahan kepada aktiviti, pakej-pakej pelancongan dan agensi pengembawaan adalah penting sebagai salah satu keperluan pengajian dan elemen penting dalam bidang pelancongan.

11  
Jun**SELANGKAH KE ARAH PEMASARAN DIGITAL**

📍 PMKu

Kursus Selangkah Ke Arah Pemasaran Digital merupakan program anjuran Exco Keusahawanan MPP PMKu. Kursus ini telah menjemput Coach Syafiq yang sudi berkongsi ilmu dan tips pemasaran digital kepada para pelajar PMKu. Tahniah MPP PMKu dan terima kasih, Coach Syafiq di atas perkongsian yang menarik.

13  
Jun**HOSPITALITY AND TOURISM INNOVATION SHOWCASE (HOTOURIS)**

📍 PMKu



Pameran dan perbentangan Projek Tahun Akhir pelajar telah berlangsung dengan sesi penilaian panel jemputan luar iaitu Puan Yusnita binti Abdul Rahman dari Kolej Komuniti Pekan dan Chef Ahmad Nursyafiq bin Amir Luddin. Sebanyak 15 kumpulan pelajar DHF dan DUP Semester 5 telah membentangkan produk inovasi masing-masing.

17  
Jun**HARI BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) PMKu**

📍 PMKu

Hari Bersama MPP PMKu telah diadakan di BK 5 dan BK 6. Antara intipati sesi ini adalah untuk membentangkan hasil perjumpaan bersama Pengurusan Tertinggi PMKu berkaitan maklum balas dan aduan suara pelajar PMKu yang telah diterima oleh pihak MPP.

18  
Jun**KURSUS KEUSAHAWANAN PENTERNAKAN UDANG KARA AIR TAWAR**

📍 PMKu

Unit Keusahawanan PMKu dengan kerjasama MPP PMKu telah menjemput pihak Kolej Komuniti Jerantut untuk berkongsi ilmu dan kepakaran dalam penternakan dan perniagaan udang kara air tawar kepada pensyarah dan para pelajar PMKu yang sedang dalam rangka perancangan untuk menjalankan projek penternakan udang kara air tawar di aras 6 (rooftop) PMKu.



20  
Jun**AKTIVITI PROMOSI JOM MASUK PMKu****SMK Bukit Pelindung,Kuantan**

Sempena pengumuman keputusan SPM 2021, PMKu telah menghantar wakil pensyarah dan pelajar bagi menyertai aktiviti promosi Jom Masuk PMKu yang berlangsung di SMK Bukit Pelindung.

20  
Jun**MAJLIS PERPISAHAN****PMKu**

Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada 2 orang pensyarah PMKu yang telah ditempatkan di tempat baharu sempena pemangkuan ke Gred 44 dan Gred 48 masing-masing. Semoga terus cemerlang di tempat baharu diucapkan kepada Cik Zarina Mokhtaruddin dan Puan Siti Noor Mardiana binti Mohd Nawawi.

01  
Jul**KUNJUNGAN MESRA WAKIL MANIPAL INTERNATIONAL UNIVERSITY****PMKu**

PMKu berbesar hati menerima kunjungan Encik Thavakumar Devanayagam, Ketua Centre for Advance of Lifelong Learning, Manipal International University yang berhasrat mengadakan kolaborasi strategik bersama PMKu. Hasil kunjungan akan dibawa ke meja perbincangan di peringkat pengurusan tertinggi PMKu bagi melihat peluang kolaborasi yang boleh dilaksanakan

07  
Jul**BENGKEL PENGENALAN DAN PELAN TINDAKAN SMARTGREEN PMKu****PMKu**

Satu bengkel berkenaan *smartgreen* PMKu telah berlangsung di bilik kuliah 1 dan 2. Bengkel ini telah menjemput Ts. Murugan A/L Krishnan sebagai penyampai taklimat. Perkongsian ilmu tentang pelaksanaan program *smartgreen* oleh pensyarah Politeknik Mersing Johor ini amat membantu dan memberi ilham kepada para peserta dalam pelaksanaan pelan tindakan *smartgreen* PMKu. Terima kasih, Ts. Murugan A/L Krishnan.

08  
Jul**MAJLIS FLAG OFF MISI SUKARELAWAN YSS-ASEAN GREEN SUMMER VOLUNTEER CAMPAIGN (GSVC) VIETNAM 2022****KPT**

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah mengadakan majlis ini bagi meraikan sukarelawan-siswa/i yang akan memulakan misi di Vietnam. 2 orang pelajar DHF PMKu iaitu Saudari Sarinah dan Saudari Nabilah Huda telah terpilih untuk mengikuti Program Pre Departure Training (PDT) sebagai persediaan awal bagi Misi Sukarelawan Siswa Green Summer Volunteer Campaign ke Vietnam di Kolej Pendeta Za'ba UKM Bangi bermula 7 sehingga 9 Julai 2022. Majlis Flag Off ini merupakan salah satu daripada aktiviti PDT yang dihadiri oleh Ketua Pengarah JPPKK. Selain aktiviti flag off, taklimat pengurusan diri dan kewangan, teknik fotografi dan videografi, pengenalan kepada pembangunan lestari serta pengurusan kepimpinan.



08  
Jul

## PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN WORLD SKILLS MALAYSIA 2022

PMKu

Tahniah diucapkan kepada pensyarah DHF PMKu, Puan Rofidza binti Ramli yang telah melayakkan diri ke peringkat akhir Pertandingan Worldskills Malaysia Pengajar (WSMP) 2022 dalam bidang *Patisserie and Confectionary*. Semoga beiau memperoleh kejayaan dalam peringkat akhir tersebut nanti.



19  
Jul

## PROGRAM SIHAT CERGAS PULAU ULAR

Pulau Ular

Beriadah, menikmati keindahan alam ternyata mampu menghilangkan tekanan tugas. Program seumpama ini mampu mengilhamkan idea, memberi inspirasi dan menjadikan kita bersyukur atas segala kurniaaNya. Terima kasih kepada urusetia, Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) kerana telah membawa peserta yang terdiri dari kalangan staf untuk menikmati keindahan laut di samping menyokong kempen kebersihan alam sekitar dengan bergotong royong membersihkan pantai.



20  
Jul

## LATIHAN PEMANTAPAN KEMAHIRAN PENSYARAH

PMKu



Pensyarah DHF, Puan Rofidza binti Ramli dan Puan Nor Huda binti Md Asri mengambil peluang semasa cuti semester untuk meningkatkan kemahiran dalam seni ukiran buah. Kedua-dua pensyarah ini mengasah kemahiran yang ada untuk melatih para pelajar agar berkemahiran dalam seni ukiran buah.



26  
Jul

## MAKMAL BAHASA SENI ORATOR BAHASA MELAYU

POLISAS



Pihak PMKu merakamkan ucapan terima kasih kepada Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) kerana telah menjemput wakil pelajar PMKu untuk mengikuti bengkel 3 hari 2 malam ini. Bengkel ini boleh mengasah bakat, menggilap kemahiran dan meningkatkan usaha dalam persediaan di Festival Debat dan Pidato Politeknik Malaysia 2022 yang bakal berlangsung September nanti.



# Sekalung Tahniah

Atas keputusan pemangkuan ke Gred DH48, DH44 & DH42



ANIS SHABIRAH BT  
MD ISA  
DH48 (M)



HAFIZAH BINTI  
ISMAL  
DH48 (M)



NOR AKASHAH BINTI  
KASSIM  
DH48 (M)



SADARIAH BINTI  
MOHD ARIFF  
DH48 (M)



SITI NOOR MARDIANA  
BT MOHD NAWAWI  
DH48 (M)



HASLINA BINTI  
AHMAD MUZAKIR  
DH44 (M)



NADIATUL HANIS  
BINTI JAILANI  
DH44 (M)



NOOR SYAIDA BINTI  
ABDUL RAHMAN  
DH44 (M)



NURHIDAYAH BINTI  
HILMI  
DH44 (M)



NURULLIA NATASHA  
BINTI JAMAL  
DH44 (M)



ROFIDZA BINTI  
RAMLI  
DH44 (M)



SHAHIRAH BINTI  
MUHAMMAD ZIN  
DH44 (M)



ZARINA BINTI  
MOKHTARUDDIN  
DH44 (M)



JULIAWATI BINTI  
MOHD YUNUS  
DH42 (M)

# TAHNIAH

**SYABAS & TAHNIAH DIATAS PENGANUGERAHAN  
APC 2021**

AHmad Tajudin bin Mustaffa

Nurhidayah Binti Rafie

Rofidza Binti Ramli

Mohd Rozi bin Nawang





**POLITEKNIK METR0 KUANTAN**  
A-5 JALAN TUN ISMAIL 2  
SRI DAGANGAN II  
25000 KUANTAN  
PAHANG